WIRID-WIRID DAN DOA-DOA SELEPAS SOLAT

DIPANJANGKAN OLEH:
HAJI YAHYA BIN LASA

AL-HIDAYAH PUBLICATION
2010

Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang

Kami adalah **penerbit** dan **pengedar buku-buku Islam** kontemporari dinihari. Bergerak bersama mendokong **kebenaran Al-Quran** dan As-sunnah sebagai teras pengabdian. **Menyebarkan ilmu** di mana dan ke mana saja demi **merealisasikan** cita-cita dan harapan **Membina generasi** di **masa depan.** Pastinya usaha kami **bukan meraih** keuntungan yang sedikit **di dunia** ini tetapi mahu melihat **generasi** dan **negara** ini mencapai mercu kecemerlangan di dunia dan di akhirat. Untuk itu kami sedia **memberi perkhidmatan** yang terbaik untuk keperluan masa **depan anda.**

AL-HIDAYAH PUBLICATION

WIRID-WIRID DAN DOA-DOA SELEPAS SOLAT

Penulis : Yah Las
Tata letak : Tim al-Hidayah

Cetakan Pertama …..… 2010

Diterbitkan Oleh: **AL-HIDAYAH PUBLICATION**
No. 27, Jalan DBP Dolomite Business Park
68100 Batu Caves, Selangor Darul Ehsan
Tel: 03-6185 3002, 61857006, 6185 4009
Fax: 03-6185 9008

Diedarkan Oleh: **AR-RISALAH PRODUCT SDN. BHD**
No. 27, Jalan DBP Dolomite Business Park
68100 Batu Caves, Selangor Darul Ehsan
Tel: 03-6185 3002, 61857006, 6185 4009
Fax: 03-6185 9008

Dicetak Oleh: **PERCETAKAN ZAFAR SDN. BHD**
Lot 18, Jalan 4/10B, Spring Crest Industrial Park Batu Caves, 68100 Kuala Lumpur

KATA PENGANTAR PENERBIT

SEGALA puji bagi Allah Tuhan sekalian alam. Selawat dan salam disampaikan kepada junjungan Nabi Muhammad SAW, keluarga serta sahabat-sahabat baginda.

Dalam usaha untuk menambahkan buku-buku bacaan di kalangan masyarakat masa kini, dengan syukur dipanjatkan kepada Allah SWT kerana kami dapat menerbitkan sebuah lagi buku yang bertajuk **WIRID-WIRID DAN DOA-DOA SELEPAS SOLAT.**

Sebagai penerbit, besar harapan kami agar buku ini dapat bermanfaat kepada pembaca. Segala amalan yang baik ini semoga mendapat keredaan Allah SWT.

Segala kesilapan dan kekurangan adalah kelemahan daripada kami, oleh itu teguran membina amatlah dialu-alukan.

Sekian, Wabillahi Taufiq, Wassalamu'alaikum.

Penerbit,
Al-Hidayah Publication

Daftar Isi

Kata Pengantar

بسم الله الرحمن الرحيم

اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ وَحْدَهُ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى مَنْ لَا نَبِيَّ بَعْدَهُ، وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبِعَهُ وَوَالَاهُ. وَبَعْدُ:

Solat yang baru selesai kita dirikan ini tidak dapat kita yakini kesempurnaannya, terlalu banyak kita rasa kekurangannya, baik di segi rukun fi'linya atau rukun qaulinya mahupun rukun qalbinya dan kekhususannya. Jika diletakkan 50% markahnya sudah terlalu tinggi rasanya, maka 50% lagi diperlukan untuk memenuhi nilai seperlunya.

Oleh yang demikian, kita mengharapkan daripada bacaan wirid-wirid selepsa solat inilah dapat menampong kekurangan itu. Mudah-mudahan Allah perkenankan untuk kesempurnaan solat kita, insya Allah. Wallahu a'lam.

Pemanjang

Selepas Ucapan Salam Selesai Bacalah:

١. تَوَكَّلْتُ عَلَى الْحَيِّ الَّذِيْ لَا يَمُوْتُ.

٢. الْحَمْدُ لِلّٰهِ الَّذِيْ لَمْ يَتَّخِذْ وَلَدًا وَلَمْ يَكُنْ لَهُ شَرِيْكٌ فِي الْمُلْكِ وَلَمْ يَكُنْ لَهُ وَلِيٌّ مِنَ الذُّلِّ وَكَبِّرْهُ تَكْبِيْرًا.

٣. أَسْتَغْفِرُ اللهَ الْعَظِيْمَ (٣ kali)
أَسْتَغْفِرُ اللهَ الْعَظِيْمَ الَّذِيْ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ الْحَيُّ الْقَيُّوْمُ وَأَتُوْبُ إِلَيْهِ.

٤. لَا إِلَهَ إِلَّا اللهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيْكَ لَهُ، لَهُ الْمُلْكُ وَلَهُ الْحَمْدُ يُحْيِي وَيُمِيْتُ وَهُوَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيْرٌ (١٠ kali).

Sepuluh kali selepas solat Asar, Maghrib dan Subuh. Sekurang-kurangnya sekali atau tiga kali selepas solat Isyak dan Zohor.

٥. أَللّٰهُمَّ أَجِرْنِيْ مِنَ النَّارِ.

Dibaca terutama selepas solat Maghrib dan solat Subuh sebanyak 7 kali.

٦. اللّٰهُمَّ أَنْتَ السَّلَامُ وَمِنْكَ السَّلَامُ وَإِلَيْكَ يَعُوْدُ السَّلَامُ فَحَيِّنَا رَبَّنَا بِالسَّلَامِ وَأَدْخِلْنَا الْجَنَّةَ دَارَ السَّلَامِ تَبَارَكْتَ رَبَّنَا وَتَعَالَيْتَ يَاذَا الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ.

٧. بِسْمِ ٱللَّهِ ٱلرَّحْمَٰنِ ٱلرَّحِيمِ ﴿١﴾ ٱلْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ ٱلْعَٰلَمِينَ ﴿٢﴾ ٱلرَّحْمَٰنِ ٱلرَّحِيمِ ﴿٣﴾ مَٰلِكِ يَوْمِ ٱلدِّينِ ﴿٤﴾ إِيَّاكَ نَعْبُدُ وَإِيَّاكَ نَسْتَعِينُ ﴿٥﴾ ٱهْدِنَا ٱلصِّرَٰطَ ٱلْمُسْتَقِيمَ ﴿٦﴾ صِرَٰطَ ٱلَّذِينَ أَنْعَمْتَ عَلَيْهِمْ غَيْرِ

ٱلْمَغْضُوبِ عَلَيْهِمْ وَلَا ٱلضَّآلِّينَ ﴿٧﴾

Had ini jika anda ketiadaan masa, bolehlah anda terus sahaja membaca doa dan sebaliknya anda boleh menyambung bacaan seterusnya.

٨. وَإِلَٰهُكُمْ إِلَٰهٌ وَٰحِدٌ ۖ لَّآ إِلَٰهَ إِلَّا هُوَ ٱلرَّحْمَٰنُ ٱلرَّحِيمُ

٩. ٱللَّهُ لَآ إِلَٰهَ إِلَّا هُوَ ٱلْحَىُّ ٱلْقَيُّومُ ۚ لَا تَأْخُذُهُۥ سِنَةٌ وَلَا نَوْمٌ ۚ لَّهُۥ مَا فِى ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَمَا فِى ٱلْأَرْضِ ۗ مَن ذَا ٱلَّذِى يَشْفَعُ عِندَهُۥٓ إِلَّا بِإِذْنِهِۦ ۚ يَعْلَمُ مَا بَيْنَ أَيْدِيهِمْ وَمَا خَلْفَهُمْ ۖ وَلَا يُحِيطُونَ بِشَىْءٍ مِّنْ عِلْمِهِۦٓ إِلَّا بِمَا شَآءَ ۚ وَسِعَ كُرْسِيُّهُ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضَ ۖ وَلَا يَـُٔودُهُۥ حِفْظُهُمَا ۚ وَهُوَ ٱلْعَلِىُّ ٱلْعَظِيمُ ﴿٢٥٥﴾

١٠. شَهِدَ ٱللَّهُ أَنَّهُۥ لَآ إِلَٰهَ إِلَّا هُوَ وَٱلْمَلَٰٓئِكَةُ وَأُو۟لُوا۟ ٱلْعِلْمِ قَآئِمًۢا بِٱلْقِسْطِ ۚ لَآ إِلَٰهَ إِلَّا هُوَ ٱلْعَزِيزُ ٱلْحَكِيمُ ﴿١٨﴾

١١. إِنَّ ٱلدِّينَ عِندَ ٱللَّهِ ٱلْإِسْلَٰمُ ۗ وَمَا ٱخْتَلَفَ ٱلَّذِينَ أُوتُوا۟ ٱلْكِتَٰبَ إِلَّا مِنۢ بَعْدِ مَا جَآءَهُمُ ٱلْعِلْمُ بَغْيًۢا بَيْنَهُمْ ۗ وَمَن يَكْفُرْ بِـَٔايَٰتِ ٱللَّهِ فَإِنَّ ٱللَّهَ سَرِيعُ ٱلْحِسَابِ ﴿١٩﴾

١٢. قُلِ ٱللَّهُمَّ مَٰلِكَ ٱلْمُلْكِ تُؤْتِى ٱلْمُلْكَ مَن تَشَآءُ وَتَنزِعُ ٱلْمُلْكَ مِمَّن تَشَآءُ وَتُعِزُّ مَن تَشَآءُ وَتُذِلُّ مَن تَشَآءُ ۖ بِيَدِكَ ٱلْخَيْرُ ۖ إِنَّكَ عَلَىٰ كُلِّ شَىْءٍ قَدِيرٌ ﴿٢٦﴾ تُولِجُ ٱلَّيْلَ فِى ٱلنَّهَارِ وَتُولِجُ ٱلنَّهَارَ فِى ٱلَّيْلِ ۖ وَتُخْرِجُ ٱلْحَىَّ مِنَ ٱلْمَيِّتِ وَتُخْرِجُ ٱلْمَيِّتَ مِنَ ٱلْحَىِّ ۖ وَتَرْزُقُ مَن تَشَآءُ بِغَيْرِ

إِلَهَنَا يَا رَبَّنَا.

١٣. سُبْحَانَ اللهِ (٣٣ kali).

سُبْحَانَ اللهِ الْعَظِيْمِ وَبِحَمْدِهِ دَائِمًا أَبَدًا.

١٤. اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ (٣٣ kali).

الْحَمْدُ لِلّٰهِ رَبِّ الْعَالَمِيْنَ عَلَى كُلِّ حَالٍ وَفِيْ كُلِّ
حَالٍ وَنِعْمَةٍ.

١٥. اَللهُ أَكْبَرُ (٣٣ kali)

اَللهُ أَكْبَرُ كَبِيْرًا وَالْحَمْدُ لِلّٰهِ كَثِيْرًا وَسُبْحَانَ اللهِ
بُكْرَةً وَأَصِيْلاً.

١٦. لَا إِلَهَ إِلَّا اللهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيْكَ لَهُ، لَهُ الْمُلْكُ وَلَهُ
الْحَمْدُ وَهُوَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيْرٌ.

١٧. وَلَا حَوْلَ وَلَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللهِ الْعَلِيِّ الْعَظِيْمِ.

Had ini jika anda ketiadaan masa, bolehlah anda terus sahaja membaca doa dan sebaliknya anda boleh menyambung bacaan seterusnya.

١٨. اَللّٰهُمَّ لَا مَانِعَ لِمَا أَعْطَيْتَ وَلَا مُعْطِيَ لِمَا مَنَعْتَ وَلَا رَادَّ لِمَا قَضَيْتَ وَلَا يَنْفَعُ ذَا الْجَدِّ مِنْكَ الْجَدُّ.

١٩. اَللّٰهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ عَبْدِكَ وَرَسُوْلِكَ النَّبِيِّ الْأُمِّيِّ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلِّمْ كُلَّمَا ذَكَرَكَ الذَّاكِرُوْنَ وَغَفَلَ عَنْ ذِكْرِكَ الْغَافِلُوْنَ وَسَلِّمْ وَرَضِيَ اللهُ تَعَالَى عَنْ سَادَاتِنَا أَصْحَابِ رَسُوْلِ اللهِ أَجْمَعِيْنَ.

٢٠. وَحَسْبُنَا اللهُ وَنِعْمَ الْوَكِيْلُ.

٢١. وَلَا حَوْلَ وَلَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللهِ الْعَلِيِّ الْعَظِيْمِ.

٢٢. أَسْتَغْفِرُ اللهَ الْعَظِيْمَ (٣ kali).

٢٣. يَالَطِيْفُ يَاكَافِي، يَاحَفِيْظُ يَاشَافِي (٢ kali)

يَالَطِيْفُ يَاوَافِي يَا كَرِيْمُ أَنْتَ اللهُ.

٢٤. لَا إِلَهَ إِلَّا اللهُ (١٠ kali).

٢٥. لَا إِلَهَ إِلَّا اللهُ مُحَمَّدٌ رَسُوْلُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كَلِمَةُ حَقٍّ عَلَيْهَا نَحْيَا وَعَلَيْهَا نَمُوْتُ وَبِهَا نُبْعَثُ إِنْ شَاءَ اللهُ تَعَالَى مِنَ الْأَمِنِيْنَ بِرَحْمَةِ اللهِ وَكَرَمِهِ.

Fadhilat-Fadhilat Wirid-Wirid

Wirid 1 dan 2:

Rasulullah (s.a.w) bersabda, maksudnya: "Tiada yang mendukacitakan daku sesuatu urusan melainkan merupa Jibril bagiku serta berkata: 'Ya Muhammad! Kata olehmu: '*Tawakkaltu* … hingga *takbiran*.' (wirid 1 dan 2) maka tiada mengata seseorang melainkan Allah hilangkan rasa dukacitanya dunia dan akhirat."

Wirid 2:

Daripada Abu Hurairah (r.a), katanya: Rasulullah (s.a.w) bersabda, maksudnya: "Barangsiapa membaca pada setiap lepas solat: '*Alhamdulillahil-lazi* … hingga … *takbiran*' adalah baginya pahala seumpama tujuh petala langit dan tujuh petala bumi serta barang yang

ada di dalamnya dan di bawahnya."

Wirid 3:

Daripada Ibnu Mas'ud (r.a), katanya: Rasulullah (s.a.w) bersabda, maksudnya: "Barangsiapa yang mengucapkan: '*Astaghfirullah-lazi* … hingga … *wa atubu ilaih*' yang bererti: "Aku mohon ampun kepada Allah yang tiada Tuhan selain Dia yang Maha Hidup lagi berdiri sendiri dan aku bertaubat kepadaNya" maka akan diampunkan semua dosanya meskipun dia pernah melarikan diri dari barisan yang sedang berjuang. (H.R. Abu Dawud, al-Tirmizi dan al-Hakim)

Ditambah dengan kalimah "العظيم" selepas kalimah al-Jalalah ketika selesai solat Subuh dan Maghrib.

Wirid 3 dan 6:

Daripada Tsauban (r.a), katanya: "Rasulullah (s.a.w) apabila selesai daripada solat mengucap istighfar 3 kali dan selanjutnya mengucapkan: '*Allahumma antas salam wa minkas salam*… hingga akhir'." (H.R. Muslim)

Wirid 4:

"Siapa yang membaca: '*La ilaaha illallahu wadahu* … hingga akhirnya' 10 kali selepas solat Maghrib dan Subuh sebelum mengubah duduknya (duduk tahiyat akhir) maka ditulis baginya tiap-tiap satu kali sepuluh kebajikan (pahala) dan dihapuskan sepuluh kejahatan (dosa), dinaikkan sepuluh darjat, dijadikan bacaan itu sebagai perisai daripada segala kesukaran, penolak syaitan yang terkutuk dan ada dosa yang merosakkannya selain syirik dan ia menajdi orang yang utama dalam amal daripada orang-orang lain kecuali jika ada orang lain yang berbuat sepertinya atau lebih daripada itu." (H.R. Ahmad)

Dalam riwayat an-Nasa'i ada tambahan: "Siapa yang membacanya sesudah solat Asar maka mendapat juga seperti itu."

Wirid 5:

Ibnu Harits at-Tamimi (r.a) berkata: "Rasulullah (s.a.w) telah berbisik padanya: 'Jika engkau kelak selesai solat Maghrib maka bacalah: '*Allahumma ajirni minan naar*' yang ertinya: 'Ya

Allah, selamatkan aku daripada api neraka' 7 kali, maka apabila engkau telah membaca kemudian mati pada malam itu, ditulis untukmu selamat daripada api neraka. Jika engkau baca sesudah solat Subuh kemudian mati pada hari itu, ditulis untukmu selamat daripada api neraka'." (H.R. Abu Dawud).

Peringatan: Jika berjemaah diganti kalimah "أَجِرْنِي" kepada "أَجِرْنَا".

Wirid 7, 9, 10 dan 12:

Telah diriwayatkan bahawasanya manakala Allah (s.w.t) memerintahkan surah al-Fatihah, ayat al-Kursi, *syahidallah* dan *qulillahumma malikal mulk*, supaya turun ke bumi, mereka berkata: "Hai Tuhan kami, janganlah Engkau turunkan kami kepada rumah orang-orang yang berdosa dan kepada orang-orang yang menderhakaMu."

Maka berfirman Allah (s.w.t): "Demi kemuliaanKu dan kebesaranKu, tidaklah kamu dibaca oleh seorang hamba tiap-tiap lepas solat melainkan Aku tempatkan ia di dalam syurga Hazhiratul Qudsi dan Aku telek dengan

telekanKu yang menaungi sepanjang siang dan malam tujuh puluh kali, dan Aku tunaikan hajatnya sepanjang siang dan malam tujuh puluh hajat, sekurang-kurangnya penyempurnaan dan aku menangkan dia daripada musuhnya, dan tidak ada halangan untuk masuk syurga kecuali kematian. (Tafsir al-Jalalain)

Wirid 8:

Daripada Asma' binti Yazid (r.a) menyatakan bahawa Rasulullah (s.a.w) telah bersabda, maksudnya: "Bahawasanya *Ismullahul A'zham* (nama Allah yang teragung) terdapat di dalam dua ayat ini: '*Wa ilahukum* … hingga akhir dan *Allahu la ilaha illa hua*… hingga akhir'." (H.R. Syahr bin Husyab)

(Nama Allah yang teragung ini perlu sentiasa digemakan ke dalam batin kita, dan di luar diri kita, di dalam seluruh upacara ibadah kita terhadap Allah, terutamanya di dalam wirid-wirid selepas solat).

Wirid 9:

Rasulullah (s.a.w) bersabda, maksudnya: “Siapa yang membaca ayat al-Kursi tiap-tiap lepas solat fardhu, maka tidak ada yang menghalangnya untuk masuk syurga kecuali menunggu saat matinya.” (H.R. an-Nasa’i dan Ibnu Hibban)

Wirid 13, 14, 15 dan 16:

Daripada Abu Hurairah (r.a), Rasulullah (s.a.w) bersabda, maksudnya: “Siapa yang membaca tiap-tiap habis solat: ‘*Subhanallah*’ 33 kali, ‘*Alhamdulillah*’ 33 kali, ‘*Allahu akbar*’ 33 kali, lalu mencukupkan bilangan 100 membaca: ‘*La ilallahu wahdahu*… hingga akhirnya’, maka diampunkan semua dosanya, meskipun sebanyak bueh air laut.” (H.R. Muslim)

Wirid 17:

Daripada Abu Musa al-Asy’ari (r.a), katanya: Rasulullah (s.a.w) bersabda, maksudnya: “Hai Abdullah bin Qais, sukakah engkau aku tunjukkan gudang harta daripada beberapa gudang harta di syurga? Iaitu ucapkanlah ‘*La haula wa la quwwata*

ila billahil 'aliyyil 'azhim'." (Muttafaq 'alaih)

Wirid 18:

Rasulullah (s.a.w) sentiasa membacanya setiap lepas solat fardhu. (H.R. al-Bukhari, Muslim dan at-Thabarani)

Wirid 16 dan 18:

Daripada Abdul Malik bin 'Umair daripada Warrad, iaitu penulisnya Mughirah bin Syu'bah, katanya: "Mughirah bin Syu'bah mencatitkan kepada dalam sepucuk surat yang dikirimkan kepada Mu'awiyah bahawasanya Nabi (s.a.w) setiap hari habis solat yang diwajibkan selalu mengucapkan:

لَا إِلَهَ إِلَّا اللهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيْكَ لَهُ، لَهُ الْمُلْكُ وَلَهُ الْحَمْدُ وَهُوَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيْرٌ، اَللّٰهُمَّ لَا مَانِعَ لِمَا أَعْطَيْتَ وَلَا مُعْطِيَ لِمَا مَنَعْتَ وَلَا يَنْفَعُ ذَا الْجَدِّ مِنْكَ الْجَدُّ.

(Ertinya: Tiada Tuhan melainkan Allah, Maha Esa Allah, tiada sekutu bagiNya, milikNyalah segenap kerajaan dan juga pujian-pujian, Dia Maha Kuasa atas segala sesuatu. Ya Allah, tiada

seorang pun yang dapat menghalangi perihal apa yang telah Engkau berikan dan tiada seorang pun yang dapat memberi perihal apa yang Engkau halangi dan juga tidak bergunalah kekayaan seseorang itu kepada yang memilikinya daripada seksaanMu).” (H.R. al-Bukhari)

Wirid 22:

Daripada Ibnu Abbas (r.a), katanya: Rasulullah (s.a.w) bersabdanya, maksudnya: “Barangsiapa yang tetap berterusan beristighfar kepada Allah, maka Allah menjadikan untuknya suatu jalan keluar dari kesempitan - atau kesukaran - yang dihadapinya, juga diberi kelapangan daripada kesusahan yang dirasakannya, serta memberinya rezeki secara yang tidak pernah dijangkanya.” (H.R. Abu Dawud)

Wirid 24:

Daripada Omarah bin Syu’aib (r.a), katanya: Rasulullah (s.a.w) bersabda, maksudnya: “Barangsiapa membaca ‘لَا إِلٰهَ إِلَّا اللهُ’ sepuluh kali selepas solat Maghrib Allah Ta’ala mengutus baginya serumbungan malaikat menjadi kawa-

lan daripada syaitan durajana hingga waktu Subuh dan ditulis baginya sepuluh kebajikan, dihapuskan daripadanya sepuluh kejahatan yang membinasakan." (H.R. at.Tirmizi dan an-Nasa'i)

Wirid 25:

Sebagai penutup kepada tahlil 10 kali itu yang menyatakan bahawa la ilaha illallah Muhammadur Rasulullah (s.a.w) adalah kalimah yang haq (benar), atasnya kita hidup dan atasnya kita mati dan dengannya kita dibangkitkan dengan kehendak Allah termasuk golongan yang aman sentusa dengan rahmat Allah dan kemuliaanNya.

Diteruskan dengan Membaca Doa

Muqaddimah doa

Sebelum mengangkat tangan untuk berdoa, lebih dahulu membaca selawat ini:

اَللّٰهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ فِي الْأَوَّلِيْنَ وَالْأَخِرِيْنَ وَسَلِّمْ وَرَضِيَ اللّٰهُ تَبَارَكَ وَتَعَالَى عَنْ كُلِّ صَحَابَةِ رَسُوْلِ اللّٰهِ أَجْمَعِيْنَ.

أَمِيْنَ، أَمِيْنَ، أَمِيْنَ يَا اللّٰهُ يَارَبَّ الْعَالَمِيْنَ.

Mula mengangkat tangan dan terus membaca muqaddimah doa:

بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيْمِ، الْحَمْدُ لِلّٰهِ رَبِّ الْعَالَمِيْنَ حَمْدًا يُوَافِي نِعَمَهُ وَيُكَافِئُ مَزِيْدَهُ، يَارَبَّنَا لَكَ الْحَمْدُ

كَمَا يَنْبَغِي لِجَلَالِ وَجْهِكَ وَعَظِيْمِ سُلْطَانِكَ، سُبْحَانَكَ لَا نُحْصِي ثَنَاءً عَلَيْكَ كَمَا أَثْنَيْتَ عَلَى نَفْسِكَ فَلَكَ الْحَمْدُ قَبْلَ الرِّضَى وَلَكَ الْحَمْدُ بَعْدَ الرِّضَى وَلَكَ الْحَمْدُ إِذَا رَضِيْتَ عَنَّا دَائِمًا أَبَدًا.

Sehabis sahaja membaca muqaddimah doa, terus sahaja menyambung dengan bacaan mana-mana doa pilihan yang dikehendaki, dan selepas berapa doa telah dibaca hendaklah diakhiri dengan penutup doa.

Penutup Doa

Penutup hendaklah dengan bacaan selawat dan tasbih, tahmid seperti berikut:

وَصَلَّى اللهُ وَسَلَّمَ عَلَى مُحَمَّدٍ وَآلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِيْنَ، سُبْحَانَ رَبِّكَ رَبِّ الْعِزَّةِ عَمَّا يَصِفُوْنَ، وَسَلَامٌ عَلَى الْمُرْسَلِيْنَ، وَالْحَمْدُ لِلّٰهِ رَبِّ الْعَالَمِيْنَ.

atau

وَأَفْضَلُ الصَّلَاةِ وَالتَّسْلِيْمِ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ خَاتَمِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِيْنَ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِيْنَ، سُبْحَانَ رَبِّكَ رَبِّ الْعِزَّةِ عَمَّا يَصِفُوْنَ، وَسَلَامٌ عَلَى الْمُرْسَلِيْنَ، وَالْحَمْدُ لِلّٰهِ رَبِّ الْعَالَمِيْنَ.

Doa Pilihan

Disini disalinkan beberapa doa yang mengandungi tujuan-tujuan tertentu, bolehlah anda membuat pilihan dan jika berkehendak doa lain boleh anda mencarinya dalam buku-buku doa yang lain.

1. Mohon rahmat dan keampunan:

اَللّٰهُمَّ إِنِّي أَسْأَلُكَ مُوْجِبَاتِ رَحْمَتِكَ، وَعَزَائِمَ مَغْفِرَتِكَ، وَالْغَنِيْمَةَ مِنْ كُلِّ بِرٍّ، وَالسَّلَامَةَ مِنْ كُلِّ إِثْمٍ، وَالْفَوْزَ بِالْجَنَّةِ وَالنَّجَاةَ مِنَ النَّارِ.

Ya Allah, sesungguhnya aku memohon kepada-Mu segala yang mewajibkan rahmatMu dan segala yang menguatkan keampunanMu dan penghindaran dari segala dosa dan mendapat keuntungan dari segala kebajikan dan keselamata

dari segala dosa, dan kejayaan memasuki syurga dan kelepasan daripada neraka.

2. Mohon selamat dan taubat sebelum mati:

اَللّٰهُمَّ إِنِّي أَسْأَلُكَ سَلَامَةً فِي الدِّيْنِ، وَعَافِيَةً فِي الْجَسَدِ، وَزِيَادَةً فِي الْعِلْمِ، وَبَرَكَةً فِي الرِّزْقِ، وَتَوْبَةً قَبْلَ الْمَوْتِ، وَرَاحَةً عِنْدَ الْمَوْتِ، وَرَحْمَةً وَمَغْفِرَةً بَعْدَ الْمَوْتِ، يَاخَالِقَ الْمَوْتِ وَيَاسَامِعَ الصَّوْتِ احْفَظْنَا مِنَ الْعَاهَاتِ وَالْأَفَاتِ وَالْعُقُوْبَاتِ بِرَحْمَتِكَ يَاأَرْحَمَ الرَّاحِمِيْنَ.

Ya Allah, kami memohon keselamatan pada agama dan keafiatan diri, pertambahan ilmu, keberkatan rezeki, bertaubat sebelum mati, rehat ketika mati, kerahmatan dan keampunan selepas mati. Wahai Tuhan Pencipta kematian, wahai Tuhan yang maha mendengar suara, peliharalah kami daripada kerosakan, kebinasaan dan kesudahan buruk.

3. Mohon segala kebaikan dan jalan ke syurga:

اَللّٰهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ مِنَ الْخَيْرِ كُلِّهِ عَاجِلِهِ وَآجِلِهِ مَا عَلِمْنَا مِنْهُ وَمَالَمْ نَعْلَمْ، وَنَعُوْذُبِكَ مِنَ الشَّرِّ كُلِّهِ عَاجِلِهِ وَآجِلِهِ مَا عَلِمْنَا مِنْهُ وَمَالَمْ نَعْلَمْ، وَنَسْأَلُكَ الْجَنَّةَ وَمَا يُقَرِّبُ إِلَيْهَا مِنْ قَوْلٍ وَعَمَلٍ وَنِيَّةٍ وَاعْتِقَادٍ، وَنَعُوْذُبِكَ مِنَ النَّارِ وَمَا يُقَرِّبُ إِلَيْهَا مِنْ قَوْلٍ وَعَمَلٍ وَنِيَّةٍ وَاعْتِقَادٍ.

Ya Allah, kami memohon segala kebaikan yang segera atau lambat, yang kami ketahui atau yang kami tidak ketahui, dan kami berlindung dengan kuasaMu daripada segala kejahatan yang segera atau lambat, yang kami ketahui atau yang tidak kami ketahui. Kami memohon syurga dan barang apa yang mendekatinya daripada perkataan, pekerjaan, niat dan pegangan. Kami berlindung dengan kuasaMu daripada neraka dan barang apa yang mendekatinya daripada perkataan,

pekerjaan, niat dan pegangan.

4. Mohon kebaikan, berlindung daripada kejahatan:

اَللّٰهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ مِنْ خَيْرِ مَا سَأَلَكَ مِنْهُ عَبْدُكَ وَنَبِيُّكَ مُحَمَّدٌ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، وَنَعُوْذُبِكَ مِنْ شَرِّ مَا اسْتَعَاذَكَ مِنْهُ عَبْدُكَ وَنَبِيُّكَ مُحَمَّدٌ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، وَأَنْتَ الْمُسْتَعَانُ وَعَلَيْكَ الْبَلَاغُ، وَلَا حَوْلَ وَلَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللهِ.

Ya Allah, kami mohon perkara yang baik yang dipohon oleh hambaMu dan nabiMu Muhammad (s.a.w) dan kami mohon perlindunganMu daripada perkara yang buruk yang dipohon perlindungan oleh hambaMu dan nabiMu Muhammad (s.a.w) dan Engkau Maha Penolong dan kepada Engkau jua penyampaiannya dan tiada daya dan upaya melainkan dengan kuasa Allah.

5. Mohon keampunan untuk diri, ibu bapa, saudara-sauudara, keluarga, anak-anak, datuk nenek dan sekalian muslimin:

إِلَهَنَا عَافِنَا وَاعْفُ عَنَّا وَاغْفِرْلَنَا وَلِوَالِدِيْنَا وَلِوَالِدَاتِنَا وَلِإِخْوَانِنَا وَلِأَخَوَاتِنَا وَلِأَزْوَاجِنَا وَلِأَوْلَادِنَا وَلِأَجْدَادِنَا وَلِجَدَّاتِنَا وَلِمَشَائِخِنَا وَلِأَسَاتِذَتِنَا وَلِجَمِيْعِ ذَوِي الْحُقُوْقِ عَلَيْنَا وَلِجَمِيْعِ الْمُؤْمِنِيْنَ وَالْمُؤْمِنَاتِ وَالْمُسْلِمِيْنَ وَالْمُسْلِمَاتِ اْلأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَاْلأَمْوَاتُ بِرَحْمَتِكَ يَاأَرْحَمَ الرَّاحِمِيْنَ.

Ya Tuhan kami, afiatkan kami, maafkan kami, ampunkanlah bagi kami, bagi bapa-bapa kami, bagi ibu-ibu kami, bagi saudara-saudara kami, bagi saudari-saudari kami, bagi pasangan-pasangan kami, bagi anak-anak kami, bagi datuk nenek kami, bagi guru-guru kami, dan bagi sekalian punya hak atas kami dan bagi sekalian mukmin-mukminat, muslimin-muslimat sama ada yang masih hidup ataupun yang sudah mati dengan rahmatMu, hai Tuhan Yang Maha Pengasih daripada sekalian yang pengasih.

Doa Kedua

Apabila doa pertama diakhiri dengan penutupnya mulakan pula doa kedua dengan lebih dahulu membaca al-Fatihah, kemudian terus membaca doa kedua. Doa kedua ini biasanya untuk memohon keselamatan dan dijauhkan daripada bahaya dan bencana.

Doa mohon hindarkan bala, wabak dan bahaya sebagai doa kedua:

اَللّٰهُمَّ بِحَقِّ الْفَاتِحَةِ وَسِرِّ الْفَاتِحَةِ يَافَارِجَ الْهَمِّ وَيَاكَاشِفَ الْغَمِّ يَامَنْ لِعِبَادِهِ يَغْفِرُ وَيَرْحَمُ، وَيَادَافِعَ الْبَلَاءِ يَااَللهُ وَيَادَافِعَ الْبَلَاءِ يَارَحْمٰنُ وَيَادَافِعَ الْبَلَاءِ يَارَحِيْمُ، اَللّٰهُمَّ ادْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْغَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْفَحْشَاءَ وَالْمُنْكَرَ وَالْبَغْيَ وَالشَّدَائِدَ وَالْمِحَنَ مَا

ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا بَطَنَ. (اَللّٰهُمَّ احْفَظْنَا وَالْمُسْلِمِيْنَ وَقِنَا وَإِيَّاهُمْ شَرَّ الْمَخَاوِفِ أَجْمَعِيْنَ، وَاحْفَظْنَا مِنَ الْفِتْنَةِ وَالْوَبَاءِ وَشُرُوْرِ الْحَرْبِ وَوُصُوْلِ الظَّالِمِيْنَ وَاجْعَلْنَا مِنْ فِتْنَةِ هَذِهِ الدُّنْيَا سَالِمِيْنَ، اَللّٰهُمَّ الْغِنَا شَرَّ الظَّالِمِيْنَ x٣) مِنْ بَلَدِنَا هَذَا خَاصَّةً وَمِنْ بُلْدَانِ الْمُسْلِمِيْنَ عَامَّةً إِنَّك عَلَى مَا تَشَاءُ قَدِيْرٌ وَبِالْإِجَابَةِ جَدِيْرٌ يَاأَرْحَمَ الرَّاحِمِيْنَ إِرْحَمْنَا (x٣). رَبَّنَا تَقَبَّلْ مِنَّا إِنَّكَ أَنْتَ السَّمِيْعُ الْعَلِيْمُ وَتُبْ عَلَيْنَا إِنَّكَ أَنْتَ التَّوَّابُ الرَّحِيْمُ، دَعْوَاهُمْ فِيْهَا سُبْحَانَكَ اللّٰهُ وَتَحِيَّتُهُمْ فِيْهَا سَلَامٌ وَآخِرُ دَعْوَاهُمْ أَنِ الْحَمْدُ لِلّٰهِ رَبِّ الْعَالَمِيْنَ.

Ya Allah, dengan kebenaran surah al-Fatihah dan kerahsiaan surah al-Fatihah, hai Tuhan penghilang dukacita, hai Tuhan penyingkap awan mendong, hai Tuhan pengampun dan penyayang kepada hambaNya, hai Tuhan

penghindar bala, ya Allah, hai Tuhan penghindar bala, ya Rahman, hai Tuhan penghindar bala, ya Rahim. Ya Allah, hindarkanlah daripada kami bala bencana, pembunuh curi, wabak, keburukan, kemungkaran, kerosakan, kesusahan dan kepayahan, apa yang nampak dan apa yang tersurat. (Ya Allah, peliharakan kami dan kaum muslimin dan lepaskan kami dan mereka daripada kejahatan yang ditakuti seluruhnya. Peliharakan kami daripada fitnah dan wabak dan kejahatan perang dan ketibaan kaum yang zalim. Jadikanlah kami selamat daripada fitnah dunia. Ya Allah, kuatkan kami atas kejahatan kaum yang zalim 3x) khusus untuk negeri kami dan umumnya untuk negeri kaum muslimin bahawasanya Engkau atas sesuatu yang Engkau kehendaki maha berkuasa dan dengan hal perkenan maha segera. Hai Tuhan yang maha pengasih antara yang pengasih 3x. Tuhan kami kabulkanlah permohonan kami bahawa Engkau maha mendengar lagi maha mengetahui, terimalah taubat kami bahawa Engkau maha penerima taubat lagi maha pengasih.

Taubat Nasoha

Dibaca tiga kali waktu selesai solat:

تُبْتُ إِلَى اللهِ، وَرَجَعْتُ إِلَى اللهِ، وَنَدِمْتُ عَلَى مَا فَعَلْتُهُ مِنْ كُلِّ ذَنْبٍ عَظِيْمٍ لَا أَعُوْدُ أَبَدًا أَبَدًا، وَلَا حَوْلَ وَلَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللهِ الْعَلِيِّ الْعَظِيْمِ.

Aku bertaubat kepada Allah, aku kembali kepada Allah, aku menyesal atas apa yang aku telah lakukan daripada dosa-dosa besar, aku tidak akan mengulanginya lagi selama-lamanya. Dan tiada daya dan upaya melainkan dengan Allah jua Yang Maha Tinggi lagi Maha Agung.

Taubat Berjamaah

تُبْنَا إِلَى اللهِ x٣، وَرَجَعْنَا إِلَى اللهِ وَنَدِمْنَا عَلَى مَا فَعَلْنَا، وَعَزَمْنَا عَلَى أَنْ لَا نَعُوْدَ لِذَنْبٍ أَبَدًا، وَنَحْنُ بَرِيْئُوْنَ مِنْ كُلِّ دِيْنٍ يُخَالِفُ دِيْنَ الْإِسْلَامِ، وَنَشْهَدُ أَنْ لَاإِلَهَ إِلَّا اللهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيْكَ لَهُ، وَنَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا رَسُوْلُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، رَضِيْنَا بِاللهِ رَبًّا وَبِالْإِسْلَامِ دِيْنًا وَبِسَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ صَلّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ نَبِيًّا وَرَسُوْلًا، وَصَلَّى اللهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلَّمَ تَسْلِيْمًا، وَكُنْ بِنَا وَبِالْمُؤْمِنِيْنَ رَؤُوفًا رَحِيْمًا.

Kami bertaubat kepada Allah 3x. Kami kembali kepada Allah, kami menyesal di atas apa yang

kami telah lakukan, dan kami berazam tidak akan mengulang melakukan dosa-dosa buat selama-lamanya. Kami berkecuali dari segala agama yang bertentangan dengan agama Islam. Kami naik saksi bahawa tiada tuhan melainkan Allah yang esa, tiada sekutu bagiNya. Kami naik saksi bahawa Nabi Muhammad pesuruh Allah yang sentiasa Allah rahmati dan sejahterakan dia. Kami redha Allah sebagai Tuhan, Islam sebagai agama kami, Saidina Muhammad (s.a.w) sebagai nabi dan rasul. Ya Allah, curahkanlah rahmat ke atas Saidina Muhammad dan keluarganya dan para sahabatnya semoga selamat sejahtera dan berlaku lemah lembut dan belas kasihan dengan kami, dan orang-orang yang beriman.